

06/08/1997

Bahasa kebangsaan: Menilai arahan Kabinet

SEPERTI kebanyakan sarjana dan orang lain yang pandangan dan pendapat mereka mendapat tempat di akhbar terutama mengenai arahan Kabinet supaya berita perdana TV jam 8 malam menggunakan Bahasa Melayu keseluruhannya, saya juga turut mengalu-alukan arahan itu. Bagaimanapun timbul beberapa persoalan berhubung arahan secara tiba-tiba itu.

Tidak nampak riak kegelisahan masyarakat, terutama orang Melayu, mengenai isu bahasa ini; tidak seperti bantahan terhadap pasukan kriket Israel yang bertanding di negara ini awal tahun ini. Isu berita perdana menggunakan bahasa Melayu juga tidak seheboh isu rasuah, yang disorot lebih oleh masyarakat Melayu kerana orang Melayu kelihatan lebih banyak terbabit dalam hal itu. Mengikut Perdana Menteri kerajaan sendiri mengambil inisiatif, walaupun parti pembangkang cuba 'mencuri bunyi guruhnya'.

Juga jika perkara itu menyangkut gejala buruk sosial yang membabitkan orang Melayu, arahan Kabinet membanterasnya boleh dijangka dan sememangnya diharapkan.

Tetapi ini pula soal bahasa yang gemanya nampak sudah hilang di kalangan badan dan ahli politik Melayu kecuali beberapa cendekiawan dan sarjana yang mungkin tinggalan akhir semangat Kongres Kebudayaan kebangsaan tahun 1971. Lagipun tidakkah bahasa Melayu sudah sampai ke Beijing, China dan sedang diperjuangkan untuk ke persada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) - seorang anak Melayu sedang duduk di mercunya?

Jika bahasa Melayu sudah gah ke benua China dan ke PBB dan DBP akan mendirikan bangunan 33 tingkatnya, apa kenanya Kabinet memberi perhatian terhadap penggunaan bahasa dalam berita perdana jam 8 malam di TV? Apakah perkiraan penting di sini? Pengisian serius bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini atautkah satu langkah menyemarakkan lagi isu bahasa Melayu itu?

Adakah ini bererti arahan itu sesuatu yang simbolik semata-mata dengan perkiraan mendapat sambutan seperti yang digambarkan pada awal nukilan ini? Realitinya penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dirasakan sudah banyak merosot sejak sepuluh tahun kebelakangan ini. Tidak usah kita ambil suasana keseluruhan masyarakat Malaysia dari segi isu bahasa, cukuplah jika kita sorot saja siaran TV tempatan seperti yang didedahkan Rustam Sani (UM, 23.7.97).

Apabila Tok Mat, Menteri Penerangan kita, yang mengumumkan arahan Kabinet itu, menyatakan langkah itu adalah hasrat kerajaan 'mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan secepat mungkin' (UM, 21.7.97) timbul soalan apakah selama ini kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian - selama 40 tahun ini?

Setahu saya kerajaan yang dipimpin Umno selalu berhasrat demikian kerana ia salah satu landasan perjuangan Umno sejak dulu. Tetapi apa yang berlaku dan memang selalu berlaku di bawah perhatian pemimpin Umno sendiri dalam kerajaan, usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin terhakis.

Apabila isu ini dibangkitkan sejak dulu lagi, selalu dikatakan ia menentang penggunaan bahasa Inggeris. Sebenarnya tidak, kerana soal mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak bermakna kita menidakkan penggunaan bahasa lain termasuk Inggeris. Seperti yang pernah saya perhatikan, bahasa Melayu disanjung sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris dikelek kerana sifatnya sebagai kunci ilmu dan bahasa lain turut

kita jinjing.

Pemikiran 'zero sum game' ini lahir kerana dalam kebanyakan situasi kedua-duanya seolah-olah bersaing, iaitu satu akan merugikan satu lagi. Walaupun ada orang cuba mencampuradukkan kedua-duanya, sama ada dalam satu dialog seperti yang banyak berlaku dalam rancangan TV kita sekarang, atau secara selari seperti dalam program TV3 'komposer', saya tidak fikir ini adalah jalan keluar yang sebaiknya dari segi penggunaan bahasa, baik Melayu atau Inggeris.

Diakui persoalan bahasa ini memang satu yang rumit, tetapi kita seharusnya mencari penyelesaian. Dalam proses mencari jawapan, kita harus mempunyai prinsip yang akan menjadi panduan kepada tindakan kita. Misalnya, kita anggap daripada mula lagi persoalan bahasa kebangsaan tidak penting dan persoalan lain lebih diutamakan, seperti mengejar kemajuan, tindakan kita akan dipadankan dengan pendirian itu.

Perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia, sejak dulu lagi bukan untuk menjadi simbol atau lambang perpaduan saja. Ia hendaklah dijadikan bahasa hidup lagi bermartabat dalam hidup dan roh bangsa Malaysia.

Sejak mula lagi sudah disedari banyak yang mesti dilakukan kerana pada tahap itu bukan saja bahasa, bahkan bangsa Melayu sendiri, berada dalam segala kedaifan. Seperti juga usaha meningkatkan taraf sosioekonomi melalui program seperti pembangunan luar bandar atau Dasar Ekonomi Baru (DEB), begitu juga penggunaan bahasa seperti program menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, peringkat demi peringkat hingga ke universiti.

Selain itu program memanfaatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, ataupun penggunaan pada papan iklan dan nama jalan, sudah banyak diambil. Tidak dinafikan ada program yang gagal atau seperti mendaki bukit curam, iaitu program seperti bahasa Melayu dalam bidang ekonomi dan pengurusan swasta. Sebab itu agaknya program ekonomi, walau bagaimana mudah sekalipun, mesti dalam bahasa Inggeris di TV. Tetapi sejak sedekad ini banyak yang sudah dicapai itu seperti mengelunsi ke belakang.

Baha Zain menggambarkan betapa tersingkirnya bahasa Melayu seperti yang tampak pada iklan lampu neon waktu malam sebagai lambang kegiatan ekonomi dan kehidupan elit di kota. (Bahasa kebangsaan: Di pulau terasing, di pinggir tersisih - UM 7 Julai 97). Lebih penting lagi ialah perubahan bidang pendidikan negara yang sekarang terbuka dan tidak lagi dilandaskan kepada perhitungan yang menjaga soal seperti bahasa pengantar ataupun dasar pembinaan bangsa Malaysia. Bagi kedua-duanya pada dasarnya ialah kemajuan ekonomi.

Sebab itu saya mempersoalkan kenapa dipilih siaran berita jam 8 itu sebagai langkah memartabat bahasa kebangsaan? Adakah ini sebagai pelopor kepada langkah lain? Pada saya menterjemahkan kata-kata dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, atau tidak menyuarakan apa yang diucapkan dalam bahasa lain, tetapi memberi ulasannya dalam bahasa Melayu saja, bukanlah perkara besar.

Yang lebih menonjol ialah keghairahan pemimpin politik kita bercakap dalam bahasa Inggeris walhal mereka fasih berbahasa Melayu dan untuk pendengar tempatan pula. Tetapi apabila mereka berucap kepada pendengar antarabangsa yang tidak faham bahasa Melayu, apa salahnya disiarkan bahasa asalnya asalkan sarikata dalam bahasa Melayu disediakan. Keghairahan menggunakan bahasa Inggeris dalam rancangan TV memang ketara, kerana selama ini program itu disiarkan dalam bahasa Melayu. Dialog drama Melayu juga ketara benar lebih banyak disisipkan bahasa Inggeris. Walaupun orang boleh menghujah bahawa keadaan itu memang sebenarnya berlaku dalam masyarakat, tetapi adakah TV cuma mampu mencerminkan realiti yang ada saja? Di manakah tugas TV sebagai pemandu untuk membimbing masyarakat?

Campur aduk bahasakah sebagai contoh terbaik?

Seorang teman berbangsa Pakistan yang pernah mengajar sains politik di UM dan UKM sekitar 70-an dan 80-an dan tahu mengenai dasar bahasa Melayu di universiti dan di luarnya, baru-baru ini melawat Kuala Lumpur. Beliau bertanya sama ada dasar bahasa di TV sudah berubah, kerana dalam program kanak-kanak yang dilihatnya lebih banyak bahasa Inggeris digunakan.

Jika pelawat yang tahu mengenai pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan ketika berkhidmat di negara ini dapat mengesan perubahan yang berlaku di TV kita, apakah kita rakyat Malaysia sendiri tidak mengesaninya? Ataupun kita menganggap isu bahasa kebangsaan sudah tidak relevan lagi dan berasa lebih maju kerana kita boleh tukar-menukar kod dalam komunikasi kita?

Sesungguhnya arahan Kabinet itu membingungkan juga. Bagi orang seperti saya yang mengalami cabaran menegakkan penggunaan bahasa Melayu dalam masa kerajaan melaksanakan dasar memartabatkannya satu dekad lalu, arahan kabinet itu tidak akan membawa kita ke mana-mana. Jika sudah lahir kembali hasrat 'mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan' seperti kata Tok Mat, mesti ada perancangan rapi supaya matlamat asal tetap segar dan tuntutan kini seperti yang dihasratkan PM dalam 'Wawasan 2020' dapat dipenuhi. Ini semua memerlukan ketelitian perancangan daripada cuma mengarah berita perdana atau utama TV jam 8 malam menggunakan bahasa Melayu, atau menggembar-gemburkan bahasa Melayu di Beijing atau di PBB.

(END)